

PERLEMBAGAAN KELAB SUKAN DAN SOSIAL, FRSB

FASAL I

1. NAMA

Kelab ini dikenali dengan nama Kelab Sukan dan Sosial (KeSS), Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia.

2. ALAMAT

Alamat yang digunakan bagi kelab ini :
*Fakulti Rekabentuk dan Senibina,
Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang,
Selangor.*

FASAL II

3. TUJUAN KELAB

- 3.1 Menggalakkan dan menganjurkan pelbagai aktiviti sukan, kebajikan dan sosial di kalangan ahli-ahli kelab.
- 3.2 Menyusun berbagai-bagai jenis kegiatan sukan di semua peringkat.
- 3.3 Memaju dan memelihara hal ehwal kebajikan ahli-ahlinya.
- 3.4 Mengeratkan hubungan antara ahli-ahli kelab.
- 3.5 Membentuk ciri-ciri kepimpinan ahli dalam organisasi.

FASAL III

KEAHLIAN

1. Kategori ahli

- a. Ahli Biasa
- b. Ahli Bersekutu
- c. Ahli Alumni

a. Keanggotaan Biasa

- i. Semua pegawai/staf FRSB yang berjawatan tetap, sementara, kontrak dan sambilan secara automatik menjadi ahli (kecuali pensyarah sambilan).
- ii. Mengambil bahagian dalam semua kegiatan kelab.
- iii. Ahli yang tidak hadir boleh dilantik menjadi ahli jawatankuasa.

b. Ahli Bersekutu

- i. Ditawarkan kepada ahli kelab yang telah berpindah tempat kerja dan masih berkhidmat dengan UPM.
- ii. Mengambil bahagian dalam semua aktiviti kelab.
- iii. Tidak layak untuk dilantik menjadi ahli jawatankuasa.

c. Ahli Alumni

- i. Ditawarkan kepada bekas ahli staf FRSB yang telah berhenti daripada UPM.
- ii. Layak mengikuti sebarang aktiviti kelab.

FASAL IV

PENTADBIRAN

Pentadbiran dalam KeSS adalah seperti Exco yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

FASAL V

JAWATANKUASA PENGURUSAN

1. Keanggotaan

Jawatan	Bilangan Penyandang
Presiden	1
Naib Presiden	1
Setiausaha Kehormat	1
Naib Setiausaha Kehormat	1
Bendahari Kehormat	1
Naib Bendahari Kehormat	1
Ahli Jawatankuasa	4
Ahli Jawatankuasa Dilantik Oleh Presiden	2

Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan akan menyandang jawatan mereka selama satu (1) tahun. Mereka layak dicalonkan semula KECUALI jawatan Bendahari Kehormat. Bendahari Kehormat tidak dibenarkan memegang jawatan ini selama dua (2) tahun berturut-turut tetapi boleh dilantik untuk jawatan lain.

2. Kuasa

Jawatankuasa Pengurusan Kelab berkuasa :

- a. Melantik Jawatankuasa Kecil dan menguasai pergerakan jawatankuasa tersebut.
- b. Memenuhi jawatan kosong dalam Jawatankuasa Pengurusan tersebut semasa Jawatankuasa Pengurusan tersebut berkuasa, kecuali jawatan Presiden.
- c. Membuat peraturan undang-undang jika perlu untuk menguasai serta menghasilkan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab.
- d. Menyusun serta menentukan secara maklumat permainan-permainan serta bentuk-bentuk kumpulan sukan FRSB.
- e. Memberhentikan keahlian seseorang yang berkelakuan menentang nama baik KeSS.
- f. Bergerak secara munasabah apa-apa yang tiada ditentukan dalam perlembagaan.

3. Mesyuarat

- a. Jawatankuasa Pengurusan Kelab akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam masa dua (2) bulan.
- b. Setiausaha Kehormat dikehendaki memberi notis tiga (3) hari sebelum mesyuarat diadakan kecuali kerana mustahak kandungan agenda, dan notis mesti diberi tidak kurang daripada 24 jam.
- c. Korum tidak boleh kurang daripada setengah Ahli Jawatankuasa.
- d. Kedudukan ahli akan digugurkan jika tidak hadir di mesyuarat tiga (3) kali berturut-turut dengan tiada alasan.
- e. Naib Presiden akan mempengerusikan mesyuarat jika Presiden tidak hadir. Jika tiada pula Naib Presiden, maka salah seorang boleh menjadi Penggerusi dalam mesyuarat tersebut.

FASAL VI(a)

1. PRESIDEN

- i. Menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kelab.
- ii. Berhak mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kelab.

2. NAIB PRESIDEN

- i. Membantu tugas-tugas Presiden sekiranya diperlukan.
- ii. Membantu Biro Ekonomi.

3. SETIAUSAHA KEHORMAT

- i. Berkuasa menjaga semua daftaran KeSS dan bertanggungjawab atas semua surat-menyerat.
- ii. Bertanggungjawab mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan.
- iii. Menyimpan minit-minit mesyuarat.
- iv. Memberitahu kepada Jawatankuasa mengenai semua perkara.
- v. Menyiapkan rencana laporan tahunan untuk Jawatankuasa pengurusan dan membentangkan laporan tersebut bagi pihak Jawatankuasa KeSS di mesyuarat agung tahunan.
- vi. Bertanggungjawab melanjutkan kegiatan KeSS jika Jawatankuasa Pengurusan berhenti memegang jawatan sebelum tempohnya, sehinggalah Jawatankuasa Pengurusan berhenti memegang jawatan sebelum habis tempohnya, sehinggalah Jawatankuasa Pengurusan baru mengambil kuasa. Semua ini mestilah dilaksanakan dalam masa tidak lebih dari empat (4) minggu.

4. PENOLONG SETIAUSAHA KEHORMAT

- i. Membantu Setiausaha Kehormat dalam tugas-tugasnya.
- ii. Dalam keadaan di mana jawatan itu dikosongkan memangku jawatan Setiausaha Kehormat selama sehingga Mesyuarat Agung Tahunan.

5. BENDAHARI KEHORMAT

- i. Bertanggungjawab tentang menerima, membayar dan mengeluarkan wang KeSS.
- ii. Bertanggungjawab tentang keselamatan wang dan buku-buku kewangan KeSS. Bendahari berkuasa menyimpan wang tabungan kelab dalam mana-mana bank yang difikirkan baik atas persetujuan Ahli Jawatankuasa Pengurusan.
- iii. Bertanggungjawab di atas segala urusan kutipan yuran.
- iv. Membuat laporan penyata kewangan untuk tujuan mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan Mesyuarat Agung Tahunan.
- v. Bendahari hendaklah menyimpan dana runcit sebanyak RM200 pada setiap masa.
- vi. Menulis buku-buku berkaitan dengan pengaliran keluar masuk kewangan kelab.

6. PENOLONG BENDAHARI KEHORMAT

- i. Membantu Bendahari Kehormat dalam menjalankan tugas-tugasnya.

FASAL VI(b)

AUDIT

1. Dua (2) orang bukan ahli Jawatankuasa Pengurusan akan dilantik menjadi Audit Kehormat di Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka akan memegang jawatan ini selama satu (1) tahun dan boleh dilantik semula. Mereka mestilah memeriksa kira-kira KeSS untuk satu tahun dan membuat laporan di Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka diwajibkan membuat pemeriksaan kira-kira bila-bila masa juga seperti diarahkan oleh Presiden dalam masa mereka memegang jawatan. Mereka juga mestilah melaporkan pemeriksaan kepada Jawatankuasa Pengurusan KeSS.
2. Jawatankuasa Pengurusan diberi kuasa untuk membelanjakan tidak lebih dari RM5,000 tiap-tiap bulan dari tabungan KeSS untuk keperluan semasa.

FASAL VII

KEWANGAN

1. Yuran tahunan adalah dari 1 Januari hingga 31 Disember bagi tahun berkenaan (yuran mulai dibayar pada 1 Jun 2003).
2. Semua kewangan KeSS mestilah dimasukkan dalam bank yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kelab.
3. Setiap perbelanjaan hendaklah mendapat kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Kelab.
4. Cek akan ditandatangani oleh Bendahari Kehormat, Presiden dan Setiausaha Kehormat.
5. Bayaran yuran keahlian adalah seperti berikut :
 - i. *Ahli Biasa dan Bersekutu*
Bayaran untuk kumpulan Pengurusan dan Profesional ialah sebanyak RM5 sebulan dan kumpulan sokongan ialah sebanyak RM3 sebulan bermula melapor diri di FRSB.
 - ii. *Ahli Alumni*
Yuran keahlian RM50 untuk seumur hidup.

FASAL VIII

MESYUARAT AGONG

1. Mesyuarat Agong akan dipanggil oleh Setiausaha Kehormat seperti berikut :
 - a. Mesyuarat Agong Tahunan
 - b. Mesyuarat Agong Luar Biasa
 - c. Korum Mesyuarat Agong Luar Biasa 1/3 keahlian
 - d. Jika tiada korum di Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agong Luar Biasa, mesyuarat-mesyuarat tersebut akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang lain pada minggu berikutnya dengan tempat dan masa ditentukan. Jika tiada korum juga, ahli-ahli yang hadir akan dianggap sebagai korum yang cukup dan mesyuarat boleh dijalankan, tetapi mesyuarat tiada kuasa membuat pindaan dan sebagainya kepada peraturan yang sedang dikuatkuasa.
- 1.1 Mesyuarat Agong Tahunan akan diadakan pada bulan Mei dan tarikhnya mestilah di antara satu hari antara 10hb hingga 31hb Mei (jika bersesuaian).
- 1.2 Notis 7 hari mesti diberi untuk Mesyuarat Agung Tahunan.

- 1.3 Sebarang usul selain daripada usul-usul yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan KeSS hendaklah dikemukakan sekurang-kurangnya 48 jam sebelum mesyuarat diadakan.
2. Cuma Presiden sahaja berhak mengadakan Mesyuarat Agong Luar Biasa.
 3. Untuk mesyuarat yang sedemikian, Presiden boleh mengarahkan Setiausaha Kehormat ataupun dengan sendiri memberi notis secara bertulis kepada ahli-ahli ataupun secara mana yang dianggap sesuai padanya.
 4. Cara mengundi adalah dengan mengangkat tangan.
 5. Jawatankuasa Pengurusan KeSS layak dilantik semula kecuali Bendahari Kehormat.
 6. Pemilihan untuk Jawatankuasa Pengurusan akan dibuat 2 tahun sekali.
 7. Pemilihan mestilah dibuat oleh ahli-ahli mesyuarat.

FASAL IX

1. KeSS tidak boleh dibubarkan jika tiada persetujuan 5/6 keahliannya di Mesyuarat Agong Luar Biasa.
2. Jika pembubaran KeSS berlaku melalui jalan-jalan tertentu, maka semua hutang piutang KeSS hendaklah diselesaikan dengan penuh. Baki bayaran tersebut hendaklah dibahagikan kepada setiap ahli biasa.
3. KeSS tidak boleh diguna untuk membayar denda kecuali denda-denda itu akibat daripada kegiatan KeSS sendiri.
4. Ahli yang meninggal dunia, pewaris berhak menerima sumbangan sebanyak minimum RM200 daripada tabung KeSS.

PERKARA-PERKARA LAIN

Kelab ini adalah tertakluk kepada semua peraturan dan undang-undang yang telah dan akan dikeluarkan oleh Kerajaan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti.

PINDAAN PERLEMBAGAAN KELAB

1. Pindaan perlembagaan kelab boleh diusulkan oleh ahli dan boleh diluluskan dengan mendapat persetujuan 2/3 ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agong Tergempar.
2. Persetujuan Presiden dan Naib Presiden adalah perlu sebelum sesuatu pindaan perlembagaan kelab dilakukan.